**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 22 Feb 2021 (Isnin)

**Utusan Malaysia**
Luka UMNO masih berdarah 1
KCFC masih cari laman sendiri 2

**Harian Metro**
Tinggal ibu kudung kaki di tepi jalan 3

**Kosmo**
Bakar sampah depan rumah kena kompaun 4
Wanita kudung ditinggal tepi jalan 5
17 tahun jaga 'anak syurga' lumpuh 6
Tinggal di pangsapuri, caj selenggara ala kondominium 7

**Sinar Harian**
Selangor teruskan program saringan percuma 8
Ibu kudung menagis di tepi jalan 9
Bina 7,000 rumah mampu milik 10

**Berita Harian Online**
Puas berbasikal keliling dunia 11
Wanita kudung sebelah kaki ditinggalkan keluarga di tepi jalan 12

**hmetro.com.my**
Projek EKVE nafi punca air Sungai Klang keruh 13
Tergamak tinggalkan ibu berkerusi roda di tepi jalan 14

**KOSMO Online**
Wanita kudung dibuang tepi jalan 15

**Selangor TV**
Buka semula sekolah seliaan JAIS, Selangor teliti 16
JMB MPS terima mesin sanitasi, perangi pandemik Covid-19 17
Projek naik taraf lif dijangka siap hujung Mei 18
Rebut peluang jalani saringan percuma -ADN 19
Rentak Selangor bawa seni tari, muzik secara digital 20
SPM: Yayasan Selangor pantau rapi 779 pelajar tajaan 21

**Sinar Harian Online**
Covid-19: Kerajaan Selangor teruskan program saringan percuma 22
Ibu kudung ditinggal sendirian di tepi jalan 23
Penamaan semula Jalan Universiti tanda kenang jasa Ungku Aziz 24

**The Star**
DRIVE-IN COUNTER 25
MPAJ MATTERS 26
Collectively keeping close watch on development 27
MDHS recognised for quality work environment 28

**Makkal Osai**
Family members abandoned female senior citizen at roadside 29

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**22 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | KCFC masih cari laman sendiri |
| Muka Surat | : | 46 |



**KUCHING City FC masih mencari venue untuk dijadikan laman sendiri ekoran Sarawak diklasifikasikan sebagai zon merah.**

# KCFC masih cari 'laman sendiri'

**PETALING JAYA :** Dengan berbaki 11 hari sebelum Liga Malaysia (Liga M) membuka tirai pada 5 Mac ini, Kuching City FC (KCFC) masih belum memuktamatkan venue untuk dijadikan *home*.

Begitupun, satu lagi pasukan iaitu Sarawak United mengorak langkah lebih awal apabila menggunakan Stadium Majlis Perbandaran Selayang sebagai *home* mereka ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sarawak ketika ini diklasifikasikan sebagai zon merah Covid-19 dan kerajaan negeri telah melaksanakan proses kuarantin 14 hari wajib bagi individu yang masuk ke negeri itu, difahamkan pelaksanaan syarat itu sehingga 31 Mac.

Bermakna, pasukan dari Sarawak tidak mempunyai pilihan, selain menetap di semenanjung buat sementara waktu bagi mengelak perjalanan jadual Liga M terjejas.

Ketua Pegawai Eksekutif KCFC, Iswandi Ali Hassan berkata terdapat dua kemungkinan iaitu yang pertama mereka akan berpusat di Lembah Klang hingga bulan Ramadan pada April ini atau memilih untuk bermain semua perlawanan sebagai pasukan pelawat.

Perlawanan pertama mereka dijadualkan pada 9 Mac menentang Terengganu FC II di Stadium Negeri Sarawak pada pukul 8.15 malam namun Iswandi akan menghantar permohonan kepada Liga Bolasepak Malaysia (MFL) supaya dapat menukar venue aksi pertama pasukan tersebut.

"Kami perlu bercakap dengan MFL kerana jika boleh kami mahu perlawanan pusingan pertama terlebih dahulu dilangsungkan di tempat lawan. Dalam keadaan sekarang untuk mencari venue 'home' mungkin memerlukan masa.

"Jadi, untuk aksi menentang Terengganu, kami ingin bermain di tempat mereka dahulu. Mungkin pilihan menetap buat sementara waktu di sekitar Lembah Klang atau Johor sehingga bulan puasa merupakan alternatif terbaik," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Iswandi juga mendedahkan pihaknya berminat untuk menjadikan Stadium Selayang atau Stadium Universiti Malaya sebagai venue *home* tetapi perkara itu masih dalam perbincangan.

Untuk musim 2021, Stadium Selayang akan digunakan oleh Selangor FC 2 dan Sarawak United kerana kedua-dua pasukan akan menjadi tuan rumah lawan mereka pada perlawanan lewat petang kerana tempat itu tidak dilengkapi sinaran lampu yang diluluskan MFL, untuk bermain pada waktu malam.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>22 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Tinggal ibu kudung kaki di tepi jalan |
| Muka Surat | : | 17 |




# Tinggal ibu kudung kaki di tepi jalan

**Shah Alam:** Jika sebelum ini seorang lelaki warga emas dibuang di surau, terbaharu seorang wanita warga emas yang kudung kaki pula ditemui ditinggalkan ahli keluarga di tepi jalan.

Lebih menyedihkan apabila wanita berusia 60-an yang ditemui bersendirian dengan kerusi roda di tepi jalan di Jalan Kebun, dekat sini, kelmarin enggan diambil semula anaknya selepas dihubungi polis.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) menerusi satu kenyataan memaklumkan, pihaknya menerima maklumat daripada orang awam berhubung warga emas ditinggalkan di tepi jalan dengan dibekalkan lampin pakai buang serta beg pakaian.

"Sebaik menerima maklumat, Skuad Saidina Umar (SSU) Zakat Selangor serta Ketua Operasi Agihan Daerah Kuala Langat segera turun padang pada jam 8.30 malam (kelmarin) bagi menyantuni warga emas itu.

"Siasatan mendapati wanita berusia 60 tahun itu adalah asnaf fakir dan masih berkeluarga.

"LZS menghubungi keluarga warga emas itu bagaimanapun tidak mendapat kerjasama baik apabila tiada seorang waris pun sudi menjemputnya pulang dengan pelbagai alasan," katanya.

> **"Tiada seorang waris pun sudi menjemputnya pulang dengan pelbagai alasan"**
> LZS

Menurut kenyataan itu lagi, LZS menyerahkan warga emas terbabit kepada polis untuk tindakan lanjut.

"Polis menghubungi anak warga emas terbabit dan menjalankan sesi runding mengikut kepakaran pihak berkuasa berkenaan," katanya.

Menurutnya, anak wanita itu pada awalnya bersetuju hadir ke balai polis untuk mengambil ibunya.

"Bagaimanapun sekitar jam 3 pagi tadi (semalam), individu terbabit membuat keputusan tidak boleh menjaga wanita itu lagi.

"Polis menghubungi pusat jagaan warga emas yang kemudian membawa mangsa ke hospital bagi pemeriksaan kesihatan dan saringan Covid-19.

"Hati mana tidak tersentuh apabila ibu ini masih mendoakan yang terbaik untuk anaknya. Kata wanita itu 'dah lama acik (makcik) tak jumpa anak, anak acik baik orangnya.' Kami cuba menyembunyikan rasa sebak di depannya. Mungkin ada kisah keluarga yang hanya mereka mengetahuinya," katanya.

LZS memaklumkan, pihaknya menempatkan warga emas itu di pusat jagaan warga emas mengikut prosedur dengan kebenaran anaknya dan semua kos ditanggung agensi berkenaan.

"Terima kasih kepada orang awam yang menyampaikan maklumat serta Pusat Jagaan Warga Emas Baitul Mawaddah, Pusat Jagaan Warga Emas SRA serta pihak Balai Polis Sri Muda yang bekerjasama dari malam hingga ke awal pagi dalam menguruskan kes ini," katanya.


WANITA warga emas yang kudung kaki kiri ditinggalkan di tepi jalan di Jalan Kebun diselamatkan LZS seterusnya ditempatkan di pusat jagaan warga emas.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**22 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Bakar sampah depan rumah kena kompaun |
| Muka Surat | : | 12 |

# Bakar sampah depan rumah kena kompaun

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**SHAH ALAM** – Mungkin ramai tidak mengetahui pembakaran terbuka di kawasan atau hadapan rumah sendiri boleh dikompaun sehingga RM2,000.

Perkara itu dilarang terutama sekali di kawasan bandar susulan ia boleh menyebabkan kacau ganggu daripada sebaran asap susulan pembakaran tersebut.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Nor Aziah Jaafar berkata, pembakaran tersebut juga mampu menyumbang kepada peningkatan Indeks Pencemar Udara (IPU) jika kebakaran merebak terutama ketika negara sedang mengalami cuaca panas dan kering.

Katanya, berdasarkan siasatan mendapati, kawasan paling kerap diadu berlakunya pembakaran terbuka adalah di kawasan perumahan kejiranan yang melibatkan aktiviti pembakaran sampah dan sisa kebun.

"Semakan rekod juga mendapati sebanyak 2,056 kes pembakaran terbuka pada tahun 2019, 2020 (2,046) dan sepanjang Januari tahun ini sebanyak 196 kes dikesan di Selangor.

"Antara kes pembakaran melibatkan tapak pelupusan sampah haram, ladang, tapak pembinaan, kawasan hutan dan belukar, rizab jalan serta lain-lain kebakaran kecil.

"Malah, pembakaran di perumahan dan kejiranan menyumbang sebanyak 1,958 kes untuk tahun 2019, manakala 1,788 kes tahun 2020," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Kata beliau, pihak berkuasa tempatan (PBT) juga boleh mengambil tindakan ke atas aktiviti pembakaran terbuka ini di bawah kesalahan kacau ganggu terutama yang melibatkan kawasan perumahan atau kejiranan.

Ujar Nor Aziah, bagaimanapun pembakaran daun, dahan pokok dan pangkasan halaman di kampung-kampung di luar bandar yang tidak dilakukan di atas mana-mana kawasan tanah gambut adalah dibenarkan.

Jelasnya, ia di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang diisytiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2003 selagi mana IPU berada dalam status baik atau sederhana.



**INDIVIDU yang melakukan pembakaran terbuka di kawasan perumahan boleh dikompaun sehingga RM2,000.** – GAMBAR HIASAN

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**22 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Wanita kudung ditinggal tepi jalan |
| Muka Surat | : | 13 |



## Wanita OKU ditinggal di tepi jalan

LEMBAGA Zakat Selangor menyelamatkan seorang wanita warga emas berusia 60 tahun yang kudung kakinya selepas ditinggalkan waris sendiri di tepi jalan dengan hanya berbekalkan lampin pakai buang dan beg pakaian di Jalan Kebun, Shah Alam kelmarin. » BERITA DI MUKA 13

Ahli keluarga tinggalkan warga emas bersama lampin pakai buang, beg pakaian

# Wanita kudung ditinggal tepi jalan

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

**SHAH ALAM** – Seorang wanita warga emas yang kudung kaki dan berkerusi roda berdepan detik memilukan apabila dipercayai ditinggalkan keluarganya di tepi jalan di Jalan Kebun, di sini kelmarin.

Lebih menyedihkan, wanita berusia 60 tahun itu hanya bersendirian bersama bekalan lampin pakai buang dan beg pakaian ketika ditemui orang awam, kira-kira pukul 2 petang.

Kisah pilu itu terbongkar apabila Lembaga Zakat Selangor (LZS) bertindak segera membantu wanita malang berkenaan yang juga asnaf fakir miskin.

Jurucakap LZS berkata, pihaknya menerusi Skuad Saidina Umar (SSU) Zakat Selangor dan Pusat Operasi Agihan Daerah Kuala Langat menerima maklumat mengenai perkara itu pada pukul 8.30 malam.

"Hasil siasatan mendapati, wanita itu merupakan asnaf fakir LZS dan masih mempunyai keluarga.

"Usaha menghubungi keluarga berjaya dilakukan, namun tidak mendapat kerjasama baik apabila tiada seorang waris sudi menjemputnya dengan memberi pelbagai alasan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

> Usaha menghubungi keluarga berjaya dilakukan, namun tidak mendapat kerjasama baik apabila tiada seorang waris sudi menjemputnya dengan memberi pelbagai alasan."

Menurutnya, berikutan keadaan wanita itu yang kudung kaki kanan dan kurang ingatan, LZS terpaksa menyerahkannya kepada polis untuk tindakan lanjut.

"Polis kemudian menghubungi keluarganya yang pada awalnya bersetuju hadir ke balai polis untuk mengambil wanita itu.

"Namun, kira-kira pukul 3 pagi tadi, keluarganya membuat keputusan tidak boleh menjaga wanita tersebut," katanya.

Kata jurucakap itu, keadaan berkenaan menyebabkan polis terpaksa menghubungi pusat jagaan warga emas untuk tindakan lanjut.

"Wanita itu kemudian dibawa ke Hospital Shah Alam dengan ambulans bagi pemeriksaan kesihatan dan saringan Covid-19.

"Beliau kini masih berada di wad hospital dan akan ditempatkan di sebuah pusat jagaan warga emas di Kuala Selangor dengan kebenaran keluarganya dan semua kos ditanggung sepenuhnya oleh LZS," katanya.

Tambahnya, wanita itu dipotong kakinya dipercayai akibat penyakit kencing manis sejak Oktober tahun lalu dan punca dia ditinggalkan tidak dapat dipastikan.

Pada awal bulan ini, seorang lelaki warga emas turut mendakwa ditinggalkan ahli keluarganya di sebuah surau di Pulau Indah, Pelabuhan Klang.

Difahamkan, kejadian berlaku apabila lelaki berusia 68 tahun itu diperdaya untuk mengikuti ahli keluarganya menunaikan solat berjemaah di surau tersebut.

LZS kemudian tampil membantu susulan menerima maklumat mengenai seorang warga emas tidur di sebuah surau di Subang, dekat sini.



KAKITANGAN LZS melihat keadaan wanita yang ditinggalkan ahli keluarga di Balai Polis Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam kelmarin.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**22 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | 17 tahun jaga 'anak syurga' lumpuh |
| Muka Surat | : | 18 |

# 17 tahun jaga 'anak syurga' lumpuh

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

**KUALA SELANGOR** – Meskipun kian dimamah usia, seorang warga emas tetap cekal menjaga anak lelakinya yang lumpuh sejak 17 tahun lalu.

Sanirah Ismail, 64, dari Kampung Harmoni, Ijok di sini tekad untuk terus menjaga Muhammad Khirul Aiman Wagimin, 24, sehingga ke akhir hayatnya.

Ibu tunggal itu berkata, Muhammad Khirul yang merupakan anak bongsu daripada tujuh adik-beradik dikategorikan sebagai orang kelainan upaya (OKU) selepas lumpuh ketika berusia tujuh tahun.

"Adik (Muhammad Khirul) sebelum ini kerap mengalami demam panas dan sawan, namun masih mampu bergerak seperti kanak-kanak lain.

"Keadaannya bagaimanapun berubah apabila doktor mengesahkan bahawa Adik lumpuh dan mungkin akan mengalaminya sepanjang hidup," katanya sebak ketika ditemui *Kosmo!* di rumahnya semalam.




Menurut nenek kepada 13 cucu itu, Muhammad Khirul memerlukan penjagaan rapi kerana hanya terlantar dan tidak dapat bercakap.

"Saya perlu menggunakan mesin pengisar untuk mengisar nasi dan lauk yang dimakan Adik.

"Selain memandikannya, saya dengan bantuan anak-anak lain menukar lampin pakai buang yang dipakainya empat kali sehari," katanya.

Biarpun perit, Sanirah perlu memikul tanggungjawab itu selepas pemergian arwah suaminya, Wagimin Sajat, 60, pada 2010.

"Bagi saya, Adik adalah anugerah terindah yang dikurniakan Allah dan akan membawa kami sekeluarga ke syurga kelak.

"Saya akan menjaganya selagi bernyawa. Saya bersyukur kerana enam anak lain sentiasa mengambil berat," katanya.

Tambah suri rumah itu, dia juga bersyukur kerana menerima bantuan bulanan daripada Lembaga Zakat Selangor dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Orang ramai yang mahu memberikan sumbangan boleh menyalurkan ke akaun Bank Simpanan Nasional bernombor **10118-29-00006885-0**.



**SANIRAH memangku Muhammad Khirul yang lumpuh di rumah mereka di Kampung Harmoni, Ijok, Kuala Selangor.**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 22 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Tinggal di pangsapuri, caj selenggara ala kondominium |
| Muka Surat | : | 18 |



**SEBAHAGIAN penduduk menunjukkan resit caj penyelenggaraan dikenakan terhadap mereka di Pangsapuri Kenangan, Seksyen 32 di Shah Alam baru-baru ini.**

# Tinggal di pangsapuri, caj selenggara ala kondominium

**SHAH ALAM** – Rumah sudah siap, tetapi pahat masih berbunyi.

Begitu nasib yang dialami kira-kira 150 penduduk Pangsapuri Kenangan, Seksyen 32 di sini yang terpaksa menanggung kos penyelenggaraan yang tinggi disebabkan ketiadaan Badan Pengurusan Bersama (JMB) di kawasan tersebut.

Pangsapuri di bawah Projek Rumah Selangorku itu mempunyai 88 unit rumah dan didiami penduduk yang rata-ratanya golongan B40 sejak Ogos lalu.

Penduduk, Zuraidi Ab. Aziz, 42, mendakwa, caj penyelenggaran sehingga RM300 sebulan dianggap membebankan berbanding caj dikenakan untuk pangsapuri sama di bawah program itu sekitar RM150.

Zuraidi mendakwa, sebuah kondominium yang terletak kira-kira 200 meter dari kawasan perumahannya dikenakan caj penyelenggaraan RM250.

"Adakah caj penyelenggaran pangsapuri lebih tinggi berbanding kondominium? Sudah empat kali kami menyuarakan hal ini dan penubuhan JMB kepada syarikat pemaju, namun tiada maklum balas yang kukuh," katanya baru-baru ini.

Difahamkan, antara alasan diberikan adalah kesukaran mengadakan pertemuan berikutan pelbagai fasa Perintah Kawalan Pergerakan sehingga menyukarkan mesyuarat agung bagi penubuhan JMB itu.

Sementara itu, Nurul Aini Munirah Md. Shuhaimi, 32, turut senada dengan Zuraidi apabila terpaksa menanggung caj penyelenggaran dan bayaran bulanan kepada pihak bank yang berjumlah lebih RM1,000.

Pihak pemaju juga gagal memberikan sebarang notis penangguhan atau memo berhubung penubuhan JMB itu.

"Kami membuat aduan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam dan syarikat pemaju telah diarahkan mengemukakan justifikasi pengiraan caj penyelenggaran dalam tempoh dua minggu.

"Sekiranya tiada maklum balas, kami akan membuat laporan kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor bagi membantu menyelesaikan masalah ini," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>22 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Selangor teruskan program saringan percuma |
| Muka Surat | : | 8 |

# Selangor teruskan program saringan percuma

FOTO: FB AMIRUDIN SHARI



Suasana saringan di PJS 6 pada Ahad.

**SHAH ALAM** - Program saringan secara percuma oleh kerajaan Selangor akan diteruskan di kawasan berisiko dan mudah merebak.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, inisiatif menangani Covid-19 itu telah dilaksanakan di beberapa kawasan antaranya di PJS 6 Petaling Jaya pada Ahad, Seksyen 19 dan Seksyen 17, Shah Alam serta Klang.

"Di Seksyen 19, Shah Alam baru-baru ini seramai 729 individu telah disaring diikuti Jumaat lalu di Klang dengan hampir 400 individu telah disaring.

"Semalam (Sabtu) di Seksyen 7 hampir 600 individu telah disaring," kongsi beliau di Facebook pada Ahad.



AMIRUDIN

Katanya, antara kawasan menjadi tumpuan ialah mempunyai jumlah kes positif yang berpotensi untuk melonjak serta kawasan seperti rumah penjagaan orang tua.

"Lokasi saringan ditentukan berdasarkan data dan perbincangan antara kerajaan negeri dan pusat kesihatan daerah," katanya.

Januari lalu, kerajaan Selangor mengumumkan Pakej Kita Selangor melibatkan peruntukan RM73.87 juta bagi membantu rakyat dan pihak terjejas dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa 13 Januari lepas.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM6 juta diperuntukkan untuk ujian saringan bersasar secara percuma yang dijangka memberikan manfaat kepada 50,000 rakyat Selangor.

Ujian saringan bersasar itu akan menumpukan kepada golongan berisiko tinggi seperti warga emas khususnya di pusat penjagaan warga emas dan pusat hemodalisis selain golongan B40 serta mahasiswa anak Selangor.




Perkongsian Amirudin berkenaan saringan percuma Covid-19 di Facebooknya pada Ahad.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>22 February 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Ibu kudung menangis di tepi jalan |
| Muka Surat | : | 15 |

# Ibu kudung menangis di tepi jalan

## Ditinggalkan keluarga dengan bekalan lampin pakai buang, beg pakaian

Oleh NUR FARHANA ABDUL MANAN

KUALA LANGAT

Pilu hati seorang wanita warga emas apabila dia ditinggalkan keluarganya dengan keadaan berkerusi roda di tepi jalan di sini pada malam Sabtu.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam satu kenyataan pada Ahad berkata, pihaknya menerima maklumat daripada orang awam berhubung keadaan wanita yang kudung sebelah kaki ditinggalkan dengan bekalan lampin pakai buang dan beg pakaian.

"Skuad Saidina Umar (SSU) Zakat Selangor dan Ketua Operasi Agihan Daerah Kuala Langat bertindak segera turun padang pada jam 8.30 malam tadi (Sabtu) bagi menyantuni wanita yang ditinggalkan seorang diri.

"Hasil siasatan mendapati beliau merupakan asnaf fakir dan masih mempunyai keluarga," katanya.

Menurut LZS, usaha menghubungi keluarga warga emas berkenaan berjaya dilakukan, namun tidak mendapat kerjasama yang baik apabila tiada seorang waris sudi menjemputnya kembali ke rumah dengan pelbagai alasan.

Oleh sebab keadaannya yang kudung sebelah kaki dan ingatan tidak berapa baik, LZS terpaksa menyerahkan warga emas berkenaan untuk tindakan lanjut pihak polis di bawah bidang kuasa pihak berwajib.

Menurutnya, pihak polis menggunakan bidang kuasa mereka dengan menghubungi anak warga emas terbabit dan menjalankan sesi rundingan mengikut kepakaran pihak berkuasa itu.

Pada mulanya, anak warga emas tersebut dikatakan bersetuju hadir ke balai polis, namun sekitar jam 3 pagi (Ahad), anak wanita berkenaan dikatakan membuat keputusan tidak boleh menjaga ibunya lagi.

Pihak polis terpaksa menghubungi pusat jagaan warga emas yang datang dengan ambulans untuk membawa wanita tersebut ke hospital bagi pemeriksaan kesihatan dan saringan Covid-19.

"Hati mana yang tidak tersentuh apabila ibu ini masih mendoakan yang terbaik untuk anaknya.

"Katanya 'dah lama acik tak jumpa anak. Anak acik baik orangnya'. Kami cuba menyembunyikan rasa sebak kami. Mungkin ada kisah keluarga yang hanya mereka mengetahuinya," katanya.

LZS berkata, pihaknya menempatkan warga emas itu di pusat jagaan warga emas mengikut prosedur dengan kebenaran anaknya dan semua kos ditanggung oleh agensi tersebut.

"Terima kasih kepada orang awam yang menyampaikan maklumat kepada kami, juga kepada Pusat Jagaan Warga Emas Baitul Mawaddah dan Pusat Jagaan warga Emas SRA serta pihak Balai Polis Sri Muda yang bekerjasama dari malam hingga awal pagi dalam menguruskan kes ini.

"Marilah sama-sama kita doakan semoga usaha ini mendapat keberkatan daripada ALLAH SWT dan ibu ini dapat dijaga dengan penuh kasih sayang," kata LZS.



Skuad Saidina Umar Zakat Selangor dan Ketua Operasi Agihan Daerah Kuala Langat bertindak segera turun padang pada jam 8.30 malam Sabtu bagi menyantuni wanita yang ditinggalkan seorang diri di tepi jalan.



Wanita warga emas yang kudung sebelah kaki ditinggalkan keseorangan dengan berkerusi roda bersama bekalan lampin pakai buang dan beg pakaian di tepi jalan di Kuala Langat pada malam Sabtu.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>22 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Bina 7,000 rumah mampu milik |
| Muka Surat | : | 30 |

# Bina 7,000 rumah mampu milik

## MGB, kerajaan Selangor berkolaboratif untuk projek Rumah Selangorku Idaman

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

SHAH ALAM

MGB Berhad (MGB), anak syarikat LBS Bina Group Berhad akan berkolaboratif dengan kerajaan negeri Selangor membina lebih 7,000 unit Rumah Selangorku Idaman di Shah Alam, Bandar Saujana Putra, Dengkil, Puncak Alam dan Puchong.

Pengarah Urusan Kumpulan MGB Berhad, Tan Sri Lim Hock San berkata, Rumah Selangorku Idaman akan dibina menggunakan teknologi pratuang sistem binaan berindustri (IBS), seiring dengan inisiatif kerajaan negeri Selangor untuk meningkatkan pembinaan rumah mampu milik di negeri tersebut.

Menurut Hock San, ia akan dilancarkan pada pada suku pertama dan kedua 2021.

"Rumah Selangorku Idaman adalah kediaman bertingkat dengan saiz binaan minimum 1,000 kaki persegi dan harga bermula dari RM250,000 dengan tiga bilik, dua bilik mandi dan dua parkir kenderaan.

"Setiap unit akan dilengkapi dengan set televisyen, peti sejuk, kabinet TV, kabinet dapur, penghawa dingin dan pemanas air mandian," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Hock San berkata, MGB bercadang untuk membina lebih banyak rumah mampu milik, Rumah Selangorku Idaman dalam kawasan Lembah Klang untuk membantu penduduk Selangor.



LIM HOCK SAN

"Projek ini eksklusif buat pembeli rumah yang bekerja dan tinggal di Selangor, berumur 18 tahun dan ke atas serta pendapatan isi rumah yang tidak melebihi RM10,000.

"Projek ini mempunyai lokasi yang strategik dan akses kemudahan di kawasan sekeliling," katanya.

Hock San berkata, Rumah Selangorku Idaman adalah solusi kepada keperluan utama dengan peningkatan permintaan terhadap rumah mampu milik di Selangor.

"Kerajaan negeri Selangor telah membuat usaha bersepadu bagi membantu rakyat Selangor memiliki kediaman mereka sendiri.

"Insentif holistik ini mampu meningkatkan persekitaran ekonomi bagi membolehkan pemaju industri hartanah untuk berkembang dan memberikan manfaat kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata, sebagai syarikat pembinaan yang mempunyai lebih 13 tahun pengalaman, MGB memilih untuk terus berkembang dan menambahbaik kaedah pembinaan.

"Salah satu contohnya adalah IBS dan kami akan menggunakan IBS bagi membina Rumah Selangorku Idaman selain terus mengekalkan komited untuk membina rumah mampu milik.

"Kami ingin memastikan setiap individu atau keluarga mampu memiliki kediaman yang baik, selamat dan kondusif. Rumah Selangorku Idaman juga menawarkan nilai yang lebih baik dari segi ruang, kualiti, reka bentuk dan komuniti," katanya.

Beliau berkata, sejak 2007, MGB telah membina lebih daripada 15,500 unit hartanah di Malaysia.

"Setakat ini, MGB telah memperoleh kontrak yang bernilai RM1.75 bilion dan dengan penambahan lebih daripada 7,000 unit Rumah Selangorku Idaman, nilai kontrak akan menjadi sekali ganda," kata Hock San.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 21 February 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian Online |
| Tajuk Berita | : | Puas berbasikal keliling dunia |
| Muka Surat | : | - |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**21 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian Online |
| Tajuk Berita | : | Wanita kudung sebelah kaki ditinggalkan keluarga di tepi jalan |
| Muka Surat | : | - |


Wanita kudung sebelah kaki ditinggalkan keluarga di tepi jalan

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 21 February 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | hmetro.com.my |
| Tajuk Berita | : | Projek EKVE nafi punca air Sungai Klang keruh |
| Muka Surat | : | - |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>21 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | hmetro.com.my |
| Tajuk Berita | : | Tergamak tinggalkan ibu berkerusi roda di tepi jalan |
| Muka Surat | : | - |





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>21 February 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | KOSMO Online |
| Tajuk Berita | : | Wanita kudung dibuang tepi jalan |
| Muka Surat | : | - |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>21 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Selangor TV |
| Tajuk Berita | : | Buka semula sekolah seliaan JAIS, Selangor teliti |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>21 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Selangor TV |
| Tajuk Berita | : | JMB MPS terima mesin sanitasi, perangi pandemik Covid-19 |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR**<br>**21 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | **:** | Selangor TV |
| Tajuk Berita | **:** | Projek naik taraf lif dijangka siap hujung Mei |
| Muka Surat | **:** | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>21 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Selangor TV |
| Tajuk Berita | : | Rebut peluang jalani saringan percuma -ADN |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 21 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Selangor TV |
| Tajuk Berita | : | Rentak Selangor bawa seni tari, muzik secara digital |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>21 February 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Selangor TV |
| Tajuk Berita | : | SPM: Yayasan Selangor pantau rapi 779 pelajar tajaan |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>21 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian Online |
| Tajuk Berita | : | Covid-19: Kerajaan Selangor teruskan program saringan percuma |
| Muka Surat | : | - |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>21 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian Online |
| Tajuk Berita | : | Ibu kudung ditinggal sendirian di tepi jalan |
| Muka Surat | : | - |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>21 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian Online |
| Tajuk Berita | : | Penamaan semula Jalan Universiti tanda kenang jasa Ungku Aziz |
| Muka Surat | : | - |


Penamaan semula Jalan Universiti tanda kenang jasa Ungku Aziz

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 22 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | DRIVE-IN COUNTER |
| Muka Surat | : | 2 |

# DRIVE-IN COUNTER

MBPJ is reopening its drive-in (pandu masuk) counter. Operational hours are from 9am to 3pm from Mondays to Thursdays and 9am to 1pm on Fridays. The counters will be closed on weekends.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>22 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | MPAJ MATTERS |
| Muka Surat | : | 2 |

# MPAJ MATTERS

> Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) has extended the deadline for online business licence renewal to March 31. Business owners can renew their licences at icomm.mpaj.gov.my. For details, call 03-4285 7324.

> Ratepayers can pay their assessment tax to MPAJ at its mobile counters at Taman Melawati night market this month from 11am to 2pm. The public can also pay online via https://icomm.mpaj.gov.my/. For details, call 03-4285 7004/7282 or email jhasil@mpaj.gov.my

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**22 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | Collectively keeping close watch on development |
| Muka Surat | : | 4 |

SELANGOR



**BANDING TOGETHER**
Ampang Jaya communities join forces to ensure future sustainable development in their area >4

By SHALINI RAVINDRAN
shaliniravindran@thestar.com.my

# Collectively keeping close watch on development

## Community group in Ampang Jaya formed to ensure folk have a say in draft plan, future projects

CONCERNED over the rapid changes within their Ampang Jaya neighbourhoods, several communities have come together to initiate a grouping called the Ampang Jaya (AJ) Rimba Collective to ensure sustainable future developments.

One of the group's first priorities is to empower residents to participate in the ongoing process for the draft Ampang Jaya Municipal Council Local Plan 2035 (RT MPAJ).

Its coordinator Noina Baharuddin said it was important for residents to be informed and involved in the town planning process.

"In the past five years in particular, we have seen huge development projects coming up and most times, it is too late when we highlight our concerns.

"But now, we hope to bring residents' attention to the type of developments that are being proposed in Ampang Jaya for the next 15 years and that we have a say," she said.

Fellow coordinator Dzaeman Dzulkifli said this would allow the community to provide input and suggestions before the draft plan was presented and gazetted.

"In speaking with other neighbourhoods, we realised that we shared very similar concerns but lacked coordination to take the effort further.

"Coming together as a community would allow us to better understand the changes that are taking place and being constructive in our feedback," he said, adding that group members were individuals with specific expertise and experience in urban planning and environmental conservation.

Some of the neighbourhoods that are part of the collective are Ukay Heights, Bukit Antarabangsa, Ukay Perdana, Taman Melawati and Kemensah.



Noina says the group's priority is to empower residents to participate in the draft plan.



Dzaeman hopes to engage with the Ampang Jaya community to protect natural treasures.

Noina said the group got together informally in early 2020 after several residents noticed a potential reclassification of 1,112.9ha of two permanent forest reserves in Ampang.

A group of concerned citizens, who discovered the anomaly, said the change was reflected in the I-Plan integrated land use system, but they had not been aware of any degazettement process or public announcement.

Stakeholders and residents' efforts to obtain information on the issue from the authorities and other agencies had not been easy.

The reclassification was eventually found to be a technical mistake and subsequently rectified by Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) and the Federal Department of Town and Country Planning.

"The experience taught us that we need to be more involved in civic engagement with our local administrations," she said.

With this in mind, the group recently launched its ajrimba.org website to educate residents on the changes being planned.



For Ampang residents, the Titiwangsa range and forest reserves are the main attraction that need to be protected.

The site also allows stakeholders to put forth suggestions and solutions on local planning matters directly to MPAJ.

Additionally, it features short films of Ampang Jaya residents and their aspirations for the municipality.

Dzaeman added that the group focused its efforts on three main pillars – community, forest and outreach.

"We have an abundance of natural treasures that has been jeopardised and we want to engage with stakeholders to protect what is left," he said.

In June last year, MPAJ announced it would start a study on a new local plan and residents were invited to give their feedback.

The new RT MPAJ 2035 would replace the RT MPAJ 2020, which was gazetted in 2011 and went through two amendments — in 2013 and 2016.

The then council president Datuk Abdul Hamid Hussain said RM700,000 would be allocated to hire consultants and finance the cost of producing the plan.

He hoped to have the plan ready by July 2021, and publish a draft to get the public's input.

The study, he said, would include discussions about land use, infrastructure, transportation, environmental conservation and tourism.

Some of the proposed changes include increasing the density from 60 to 80 people per 0.4ha for residential projects similar to Rumah Selangorku, as well as redevelopment projects.

Other proposals being looked into include rezoning residential lots in traditional villages into commercial lots in areas such as Kampung Baru Ampang, Kampung Pandan Dalam and Kampung Tasek Permai.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**22 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | MDHS recognised for quality work environment |
| Muka Surat | : | 4 |

# MDHS recognised for quality work environment

HULU Selangor District Council (MDHS) was awarded three stars for Quality Environmental Management System (QE/5S) by the Malaysian Productivity Corporation.

The council recorded an annual savings of close to RM130,000 on Dec 29, 2020.

The rating is effective for one year.

MDHS, in a statement, said the Covid-19 pandemic had not deterred the council from being committed to the 5S practice.

Creating a conducive, safe, cheerful and tidy work environment helped create a quality work culture based on consensus for strengthening the organisation.

5S is a system for organising spaces so work can be performed efficiently, effectively and safely.

This system focuses on putting everything where it belongs and keeping the workplace clean, which makes it easier for people to do their jobs without wasting time or risking injury.

The 5S term comes from five Japanese words *seiri*, *seiton*, *seiso*, *seiketsu* and *shitsuke*, which are translated as sort, set in order, shine, standardise and sustain.

"This 5S practice will be continued and improvements are constantly being made to ensure that this success will be continued in future," said MDHS president Dr Mohd Azhar Mohamed Ali.

"The implementation of 5S practices at MDHS will not only improve service quality, cost savings and simplify work processes, but also add value to MDHS's overall image."

MDHS was earlier awarded the MS ISO 9001:2015 certification for quality management system without non-conformity report by Sirim Qas International Sdn Bhd.

Mohd Azhar also expressed his gratitude and congratulated all MDHS staff for their cooperation that led the council to getting the recognition.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**22 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Makkal Osai |
| Tajuk Berita | : | Family members abandoned female senior citizen at roadside |
| Muka Surat | : | 2 |

# வயோதிக மாதை சாலையோரம் தவிக்க விட்டுச் சென்றனர்



ஷா ஆலம், பிப். 22-

ஒரு கால் இல்லாத நிலையில் சக்கர நாற்காலியில் இருக்கும் வயோதிக மாதை அவருடைய குடும்ப உறுப்பினர்கள் சாலையோரம் இறக்கி விட்டுச் சென்று விட்டனர்.

இச்சம்பவம் நேற்று முன்தினம் ஜாலான் கெபுன் ஷா ஆலமில் நிகழ்ந்துள்ளது.

வயோதிக மாது சாலையோரம் கைவிடப்பட்டுக் கிடப்பதாகத் தங்களுக்குத் தகவல் கிடைத்தது என்று லெம்பாகா ஸக்காட் சிலாங்கூர் தனது அறிக்கையில் கூறியது.

அதிகாரிகள் அங்கு விரைந்து சென்று பார்த்தபோது, சுமார் 60 வயது மாது குடும்ப உறுப்பினர்களால் கைவிடப்பட்டு இருந்தது தெரிய வந்தது.

அவருடைய குடும்பத்தாருடன் தொடர்பு கொண்டு பேசினோம். ஆனால், பல்வேறு காரணங்கள் கூறிய அவர்கள் அந்த மாதை மீண்டும் அழைத்துச் செல்ல வரவே இல்லை என்று ஸைடினா ஓமார் கூறினார்.

பின்னர் போலீசார் வரவழைக்கப்பட்டு அந்த மாது மருத்துவப் பரிசோதனைக்காக அழைத்துச் செல்லப்பட்டார்.